

18 DEC 2002

SOROTAN-ICT/I

KOMITMEN KERAJAAN AKAN TERUS RANGSANG SEKTOR ICT NEGARA

Oleh: M. Saraswathi

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Komitmen kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat multimedia global akan terus merangsang pertumbuhan sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) negara, kata seorang penganalisis penyelidikan.

"Pasar ICT di Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan yang baik sejajar dengan unjuran pemulihan ekonomi," kata Adrian Lee dari Infocomm Research kepada Bernama baru-baru ini.

Ekonomi Malaysia dijangka tumbuh di sekitar 4.5-5.0 peratus tahun ini dan 6.0-6.5 peratus tahun depan dengan sektor ICT dikatakan akan menjadi antara bidang pertumbuhan baru selain bioteknologi dan pelancongan.

Beliau berkata kerajaan telah bekerjasama dengan industri ini untuk menarik gergasi-gergasi ICT supaya menggunakan Malaysia sebagai tapak ujian perkhidmatan dan produk baru.

Banyak syarikat asing telahpun ada di sini untuk menggunakan insentif yang ditawarkan kerajaan, samada dalam bentuk kewangan atau bukan kewangan.

Di kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) sahaja, banyak peluang disediakan untuk para pemain memasarkan perkhidmatan mereka di dalam dan luar negara.

Setakat ini telah ada 784 buah syarikat dengan status MSC dengan jumlah pelaburan RM6.4 bilion, iaitu melepasi sasaran awal mempunyai 500 buah syarikat MSC menjelang 2003.

"MSC akan terus menjadi pemangkin kepada peralihan Malaysia menjadi ekonomi dan masyarakat berasaskan pengetahuan," kata Lee.

Bagi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), agensi yang diamanahkan untuk memajukan MSC, hasil penting kejayaan pelaksanaan MSC adalah peningkatan berbagai petunjuk prestasi utama, termasuk pertumbuhan dalam eksport produk dan perkhidmatan ICT, kewujudan peluang pekerjaan dengan nilai ditokok, pelaburan di MSC, produktiviti dan daya saing negara.

Ketua Pegawai Eksekutif MDC Datuk Dr Mohamed Arif Nun berkata MDC sentiasa mencari peluang untuk menarik pemain ICT bertaraf dunia ke MSC, dan antara kejayaan terbarunya adalah penyertaan syarikat-syarikat seperti Satyam, DHL, Shell dan HSBC, dan di masa depan, BMW.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga telah memainkan peranan utama dalam mempromosi MSC dan terbaru, beliau telah melawat Hyderabad di India, Oktober lepas, yang kemudiannya telah menyaksikan banyak syarikat IT India menunjukkan minat untuk mengembangkan operasi di Malaysia.

Sementara itu, kata penganalisis Lee, pengendali telekomunikasi tempatan kini perlu beralih daripada perkhidmatan suara tradisi dan mengembangkan perniagaan bergerak dan internet dengan pantas

Teknologi wayarles akan menjadi bidang bagi syarikat-syarikat MSC pada 2003 dan 2004, tambahnya.

Kini, teknologi wayarles telah meningkat maju di bawah panduan MSC bersama-sama dengan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Guna pakai teknologi Rangkaian Kawasan Tempatan wayarles (WLAN) semakin meluas dengan jualan kelengkapan WLAN mencecah RM40 juta pada 2002.

"Penggunaan WLAN berlaku sebagai lanjutan atau alternatif kepada LAN berwayar di lokasi-lokasi korporat dan kediaman persendirian. Akses awam lokasi-lokasi hangat WLAN juga telah muncul di sana-sini di Kuala Lumpur dan Cyberjaya, tetapi penggunaannya belum lagi ketara," kata Lee.

Perkhidmatan aplikasi perusahaan seperti pengurusan hubungan pelanggan (CRM), pusat panggilan dan pusat sokongan juga akan menyaksikan peningkatan guna pakai tahun depan, khususnya oleh para bank, syarikat insurans, syarikat sekuriti dan syarikat kewangan serta di kalangan pengendali telekomunikasi.

Perkhidmatan seperti perumah web, keselamatan dan pemulihan kecelakaan juga akan menyaksikan pertumbuhan positif.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie sering bercakap tentang manfaat dan potensi menubuhkan pusat-pusat panggilan dan sokongan di negara ini.

Di sini, IBM Malaysia telah berada di barisan hadapan setelah memilih Malaysia bagi pelbagai aktiviti sokongan serantau termasuk perakaunan, pentadbiran, jualan teknikal dan pusat untuk perkhidmatan teknologi bersepadu.

Pengarah Urusan IBM Malaysia Voon Seng Chuan berkata pusat-pusat serantau ini menandakan sokongan syarikat kepada usaha kerajaan untuk memajukan ekonomi negara menjadi ekonomi berasaskan pengetahuan.

Penganalisis Lee, secara ringkas tentang prestasi ICT Malaysia tahun ini, berkata ia terjejas akibat penurunan pasaran Amerika Syarikat. Eksport ICT menyumbang lebih 60 peratus kepada jumlah eksport negara.

Bagaimanapun, penurunan itu dapat diletakkan dengan pakej perangsang RM4 bilion oleh kerajaan di mana RM300 juta telah diperuntukkan untuk penubuhan syarikat-syarikat ICT baru.

"Peruntukkan ini adalah bukti kerajaan akan terus menjadikan ICT sebagai sektor penting ekonomi," katanya. -- BERNAMA

SM SHY JR